



i-Medi Evolusi Rider

Langkah Bijak, Kesihatan Terjaga



Great Eastern Takaful Berhad adalah ahli PIDM.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

The Great Journey



Apakah itu The Great Journey?

The Great Journey adalah perjalanan penjagaan kesihatan yang direka khas untuk pelanggan mendapatkan rawatan di Klinik dan Hospital yang tersenarai dibawah The Great Journey. Fasilitas ini menyediakan rawatan yang berkualiti tinggi dengan caj berpatutan sambil memastikan pengalaman yang lancar dan tersusun bagi pelanggan.

Mengapa ia penting untuk anda?

Memastikan anda mendapat rawatan awal dengan perlindungan Rawatan Pesakit Luar.

Dapat mengekalkan caruman yang berpatutan melalui usaha mengurangkan tuntutan perubatan yang tidak perlu.

Menyumbang dalam mengawal inflasi perubatan dan menyokong penjagaan kesihatan yang diperlukan dan cekap.

Perbandingan ringkas

i-Medi Evolusi Rider

i-Medi Shield Rider

The Great Journey	Terpakai	Tidak terpakai
Opsyen Deduktibel	RM500, RM3,000 atau RM20,000 (dengan opsyen persaraan) setiap tahun sijil	RM500, RM1,000, RM2,000, atau RM5,000 untuk setiap ketidakupayaan
Opsyen Bilik dan Penginapan Hospital (R&B)	RM150, RM200	RM150
Had Perubatan Keseluruhan (OML)	Tidak terpakai	OML RM100,000
Had Tahunan Keseluruhan (OAL)	OAL RM1,500,000 atau RM2,000,000	Tiada had. 20% ko-takaful dikenakan ke atas jumlah bil yang melebihi OML
Manfaat Tanpa Tuntutan	Peningkatan R&B	Peningkatan R&B, OML dan Pengurangan jumlah deduktibel
Rawatan Pesakit Luar	- Demam Denggi - Virus Zika - Demam Chikungunya - Influenza A - Influenza B - Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut - Bronchitis - Pneumonia Senarai penuh tersedia di laman web korporat kami	Demam Denggi
Penambahan Booster	Tidak terpakai	i-Medi Shield Booster Rider

Berikut adalah cara anda mendapat rawatan:

Langkah 1: Lawati The Great Journey klinik

Lawati mana-mana klinik yang tersenarai dibawah The Great Journey untuk pemeriksaan awal bersama Pengamal Perubatan Am (GP).

Jika rawatan lanjut diperlukan, anda akan dirujuk ke hospital yang tersenarai di bawah The Great Journey bagi rawatan khusus atau kemasukan ke hospital.

Langkah 2: Teruskan ke The Great Journey hospital

Tetapkan temujanji dan terima rawatan daripada pakar di hospital yang tersenarai dibawah The Great Journey.

Anda akan mendapatkan sokongan dan bantuan sepenuhnya semasa mendapatkan rawatan di hospital yang tersenarai di bawah The Great Journey.



Kenapa perlu mengikuti The Great Journey?

Jika anda mengikuti The Great Journey

Anda hanya perlu membayar jumlah deduktibel sekali untuk kos rawatan anda pada tahun sijil rider tersebut.

Jika anda tidak mengikuti The Great Journey

Anda perlu membayar jumlah deduktibel + 20% ko-takaful (dihadkan kepada RM20,000 setiap tahun rider).

Nota: Untuk senarai penuh hospital dan klinik dibawah The Great Journey, sila layari laman web korporat kami.

Apakah yang membuatkan i-Medi Evolusi Rider istimewa?

i-Medi Evolusi Rider direka untuk menawarkan perlindungan perubatan yang komprehensif melalui had tahunan yang tinggi dengan caruman yang berpatutan.

Tetapi bukan itu sahaja.

Rider ini menawarkan perlindungan pesakit luar untuk keadaan yang dilindungi untuk mendapatkan rawatan awal dengan 5% ko-takaful sebagai pembayaran bersama daripada jumlah bil anda.

Penambah ciri istimewa ini direka sebagai salah satu langkah pencegahan penghospitalan dan pelanggan dapat berehat dan pulih di rumah.

Bayaran ko-takaful bagi rawatan pesakit luar akan mengurangkan jumlah deduktibel yang perlu dibayar dalam tahun sijil.



Bagaimanakah Ia Berfungsi?

Asyraf berminat untuk menyertai **i-Medi Evolusi Rider** yang disertakan dengan pilihan **Pelan R&B, Deduktibel** dan **Had Tahunan Keseluruhan (OAL)** seperti berikut:

CONTOH SENARIO

Asyraf,
Eksekutif,
35 tahun,
Lelaki,
Bukan perokok.



Perkara	Manfaat Yang Dilindungi	Jenis Pelan	
		i-Medi Evolusi Rider Pelan 150	i-Medi Evolusi Rider Pelan 200
	Jumlah Deduktibel Setiap Tahun	Pilihan Deduktibel: RM500, RM3,000 atau RM20,000	
1	Bilik dan Penginapan Hospital* (Had setiap hari, untuk bilangan hari tanpa had)	RM150 Kenaikan sebanyak 20% untuk setiap 5 tahun, tertakluk kepada tiada tuntutan dibuat sehingga 5 kali kenaikan	RM200 Kenaikan sebanyak 20% untuk setiap 5 tahun, tertakluk kepada tiada tuntutan dibuat sehingga 5 kali kenaikan
2	Had Tahunan Keseluruhan (OAL) bagi Perkara (1) hingga (20) dalam Jadual Manfaat (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	RM1,500,000	RM2,000,000

Pada Julai 2025, Asyraf memilih untuk menyertai i-Medi Evolusi Rider Pelan 150 dengan R&B 150, deduktibel RM500 dan Had Tahunan Keseluruhan (OAL) RM1,500,000.



Pada **tahun sijil ke-6**, manfaat Bilik dan Penginapan (R&B) Asyraf meningkat dari RM150 ke RM180. Pada tahun yang sama, beliau juga membuat tuntutan perubatan di bawah i-Medi Evolusi Rider Pelan 150. Asyraf mengikut The Great Journey dan melawat salah satu klinik dibawah The Great Journey disebabkan demam denggi. Kemudian, beliau dirujuk ke hospital dibawah The Great Journey disebabkan keadaannya. Dibawah merupakan jumlah yang perlu dibayar oleh Asyraf:

Peningkatan pada R&B akan disambung semula pada ulang tahun ke-11. Menjelang tahun ke-26, R&B beliau akan meningkat kepada RM300.

Perkara	Manfaat Yang Dilindungi	Jenis Pelan				
		i-Medi Evolusi Rider Pelan 150 (RM)				
	Ulang Tahun Sijil	ke-5	ke-11	ke-16	ke-21	ke-26
1	Bilik dan Penginapan Hospital* (Had setiap hari, untuk bilangan hari tanpa had)	180	210	240	270	300
		Seperti yang dicaj, tertakluk kepada had yang dinyatakan di atas. Terma dan syarat dikenakan.				

Tertakluk kepada tiada tuntutan sepanjang tempoh 26 tahun, kecuali pada sijil tahun ke-6.

Tahun	The Great Journey	Jumlah Bil	Jumlah yang perlu dibayar	Catatan
6	Klinik (Lawatan Pertama)	RM250	RM12.50	5% Ko-Takaful untuk Denggi
6	Hospital (Lawatan Pertama)	RM50,000	RM487.50	RM500 - RM12.50 (5%) Ko-Takaful
6	Hospital (Lawatan Kedua)	RM50,000	RM0	Dibayar penuh oleh GETB
Jumlah		RM500		

*Klinik dan Hospital merujuk kepada yang tersenarai dibawah The Great Journey.

* Perubahan dalam R&B akan berkuatkuasa jika tiada tuntutan dibuat dan tiada tunggakan caruman. Infografik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Tanya Perunding Takaful Anda



Perunding
Takaful

Apakah jenis perlindungan yang saya perlukan?

01

02

Berapakah jumlah perlindungan yang saya perlukan?

Apakah manfaat/perkhidmatan yang diberikan oleh pelan ini?

03

04

Adakah caruman saya meningkat seiring dengan umur saya?

Bolehkah saya tingkatkan pelan saya di masa hadapan?
(Tambahan rider, penambahan caruman, naik taraf pakej)

05

06

Apakah yang tidak dilindungi di dalam pelan ini?

Apakah jenis dokumen/laporan yang saya perlu ada untuk menyertai pelan ini?
(cth: laporan perubatan atau salinan Kad Pengenalan) Adakah caj yang dikenakan untuk
mendapatkan laporan tersebut dibiayai oleh saya sendiri?

07

08

Berapa lamakah perlu saya tunggu sebelum perlindungan saya bermula?

Adakah saya mampu untuk membayar caruman ini?

09

10

Apakah kaedah bayaran yang paling berkesan
supaya saya tidak lupa membayar caruman saya?




Manfaat dan Ciri-ciri

Pilihan Deduktibel yang Fleksibel:
Pelbagai tahap deduktibel ditawarkan bagi memenuhi keperluan dan kemampuan kewangan yang berbeza.

The Great Journey:
Laluan penjagaan kesihatan yang berstruktur dan berpanduan bagi memastikan penjagaan yang berkualiti dan kos efektif

Peningkatan Had Tahunan Keseluruhan (OAL):
Nikmati had perlindungan yang lebih tinggi untuk ketenangan minda yang lebih menyeluruh



Manfaat dan Ciri-ciri



The Great Journey

Menawarkan pelanggan pengalaman penjagaan kesihatan yang lancar disokong melalui rangkaian klinik dan hospital yang tersenarai dibawah The Great Journey untuk menyediakan penjagaan berkualiti tinggi pada kos yang berpatutan, dengan bantuan dan sokongan khas semasa mendapatkan rawatan.



Had Tahunan Keseluruhan yang Tinggi (OAL)

Dapatkan Had Tahunan Keseluruhan yang Tinggi sehingga RM2 Juta dan uruskan perbelanjaan perubatan yang tidak dijangka dengan yakin.



Rawatan Tambahan Pesakit Luar

Dapatkan perlindungan untuk rawatan pesakit luar lain seperti Demam Denggi, Virus Zika, Demam Chikungunya, Influenza A & B, Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut, Bronchitis and Pneumonia.



Pilihan Deduktibel

Pilihan Amaun Deduktibel yang akan ditawarkan di bawah pelan bermula dengan pilihan RM500, RM3,000 dan RM20,000 bersama opsyen persaraan.

Perbandingan Jadual Manfaat:

i-Medi Evolusi Rider vs i-Medi Shield Rider

Perkara	Manfaat Yang Dilindungi	i-Medi Evolusi Rider	i-Medi Shield Rider
		Amaun Deduktibel Setiap Tahun Sijil (dari Perkara 1-8 dan 16-17) : RM500, RM3,000, atau RM20,000 dengan opsyen persaraan	Amaun Deduktibel Setiap Hilang Upaya (dari Perkara 1-7 dan perkara 16-17) : RM500, RM1,000, RM2,000 atau RM5,000
Manfaat Pesakit Dalam (RM)			
1	Bilik dan Penginapan Hospital (R&B)* (Had sehari, untuk bilangan hari tanpa had)	150	150
		*Peningkatan 20% daripada R&B permulaan setiap 5 tahun, jika tiada tuntutan (Sehingga maksimum 5 kali kenaikan)	*Peningkatan 20% daripada R&B permulaan setiap 5 tahun, jika tiada tuntutan (Sehingga maksimum 5 kali kenaikan)
2	Unit Rawatan Rapi (ICU) (Had sehari, untuk bilangan hari tanpa had)	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat
3	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital		
4	Bayaran Pembedahan		
5	Dewan Bedah		
6	Bayaran Pakar Bius		
7	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (2 lawatan sehari)		
Manfaat Pesakit Luar (RM)			
8	Pembedahan Harian Pesakit Luar	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat	Seperti caj yang dikenakan, dengan 5% ko-takaful sehingga maksimum RM500 bagi setiap hilang upaya.
9	Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 120 hari sebelum Kemasukan Hospital)	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat
10	Konsultasi Pakar Sebelum Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 120 hari sebelum Kemasukan Hospital)		
11	Rawatan Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 180 hari selepas keluar hospital)		

Perbandingan Jadual Manfaat:

i-Medi Evolusi Rider vs i-Medi Shield Rider

Perkara	Manfaat Yang Dilindungi	i-Medi Evolusi Rider		i-Medi Shield Rider
Manfaat Pesakit Luar (RM)				
12	Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat		Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Perubatan, terma dan syarat
13	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar			
14	Rawatan Pesakit Luar	Penyakit Dilindungi: Demam Denggi Virus Zika Demam Chikungunya Influenza A Influenza B Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut Bronchitis Pneumonia Seperti yang dicaj, tertakluk kepada ko-takaful		Penyakit Dilindungi: • Demam Denggi Seperti caj yang dikenakan, dengan 5% ko-takaful sehingga maksimum RM500 bagi setiap hilang upaya.
15	Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar (Had setiap tahun sijil, tertakluk kepada maksimum 30 hari dari tarikh kemalangan)	5,000		5,000
Manfaat Lain (RM)				
16	Bayaran Ambulans	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan, terma dan syarat		Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Perubatan, terma dan syarat
17	Pemindahan Organ (Had sekali seumur hidup sebagai penerima)			
18	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Had sehari, untuk bilangan hari tanpa had)	150	200	150
19	Kanta Intraokular	Sehingga 4,000 setiap mata dan maksimum 8,000 untuk seumur hidup		Sehingga 1,000 setiap mata dan maksimum 2,000 untuk seumur hidup

Perbandingan Jadual Manfaat:

i-Medi Evolusi Rider vs i-Medi Shield Rider

Perkara	Manfaat Yang Dilindungi	i-Medi Evolusi Rider		i-Medi Shield Rider
Manfaat Lain (RM)				
20	Penjagaan Harian (untuk Kemasukan Hospital kanak-kanak) (Sehari, tertakluk kepada maksimum 180 hari bagi setiap tahun sijil)	N/A	200	N/A
21	Supreme Assist (Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan)	Berdasarkan peruntukan manfaat dalam perjanjian Supreme Assist		Berdasarkan peruntukan manfaat dalam perjanjian Supreme Assist
22	Pendapat Kedua Eksekutif (ESO)	Berdasarkan peruntukan manfaat dalam perjanjian Pendapat Eksekutif Kedua		Berdasarkan peruntukan manfaat dalam perjanjian Pendapat Eksekutif Kedua
23	Cukai Malaysia	Tuntutan yang boleh dibayar ke atas cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain yang dikenakan bagi Manfaat yang Dilindungi; tidak tertakluk kepada Had Perubatan Keseluruhan		Tuntutan yang boleh dibayar ke atas cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain yang dikenakan bagi Manfaat yang Dilindungi; tidak tertakluk kepada Had Perubatan Keseluruhan
Had Keseluruhan (RM)				
24	Had Perubatan Keseluruhan bagi Perkara (1) hingga (20) (OML) (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	Tidak berkenaan		100,000
				Peningkatan 10% dari OML permulaan pada ulang tahun rider seterusnya selepas setiap kitaran 2 tahun dari tarikh penguatkuasaan rider, tarikh tuntutan terakhir atau tarikh pengembalian semula (yang mana terdahulu), tertakluk kepada tiada tuntutan dibuat, sehingga maksimum 20 kali kenaikan
25	Had Tahunan Keseluruhan bagi perkara (1) hingga (20) (OAL) (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	BARU 1,500,000	BARU 2,000,000	Tiada Had Tahunan (20% ko-takaful dikenakan untuk tuntutan melebihi OML)
26	Had Seumur Hidup Keseluruhan (OLL)	Tiada Had Seumur Hidup		Tiada Had Seumur Hidup

Manfaat Rawatan Pesakit Luar

Syarikat akan membayar balik perbelanjaan perubatan yang layak bagi item manfaat Rawatan Pesakit Luar (14) berdasarkan peratusan ko-takaful yang berkaitan, tertakluk kepada jumlah maksimum setiap tahun sijil rider seperti berikut:

1. Untuk rawatan yang diperoleh di klinik dibawah The Great Journey, ko-takaful sebanyak 5% akan dikenakan sehingga maksimum RM500 setiap tahun sijil.
2. Untuk rawatan yang diperoleh di klinik bukan dibawah The Great Journey, ko-takaful sebanyak 20% akan dikenakan sehingga maksimum RM20,000 setiap tahun sijil.

Keadaan di mana ko-takaful tidak akan terpakai:

- a. Rawatan Kecemasan
- b. Rawatan pesakit luar untuk rawatan susulan (termasuk selepas kemasukan ke hospital) yang berpunca daripada penyakit kritikal seperti kanser atau dialisis buah pinggang.
- c. Rawatan yang diperolehi di Fasiliti Penjagaan Kesihatan Kerajaan.

Dapatkan Ganjaran


Nikmati lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan

Dengan **i-Medi Evolusi Rider**, sebarang lebih pengunderaitan daripada Dana Tabarru' setelah melakukan penyelarasan yang sesuai untuk tujuan kecemasan, akan dikongsi antara semua Peserta dan kami dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Individu Peserta anda (jika ada).

Semua keuntungan pelaburan (jika ada) daripada Dana Tabarru' akan dikongsi di antara Peserta dan kami dengan nisbah 50:50. Sebarang keuntungan daripada Akaun Individu Peserta akan dikongsi antara Peserta dan kami dengan Nisbah 75:25. Bahagian anda daripada pelaburan tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Individu Peserta. Sebarang kerugian daripada Dana Tabarru' akan dibawa ke hadapan dan akan diambil kira sebelum dimasukkan dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun seterusnya dan sebarang kerugian daripada Akaun Individu Peserta akan ditunjukkan di dalam akaun tersebut.

Nota:


1. Lebih Pengunderaitan daripada Dana Tabarru' dan Keuntungan Pelaburan daripada Akaun Individu Peserta (PIA) dan Dana Tabarru' akan dikira secara tahunan.
2. Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara Peserta yang digunakan untuk membantu semua Peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.
3. PIA merujuk kepada dana di mana sebahagian daripada sumbangan takaful yang dibayar diperuntukkan untuk tujuan simpanan atau pelaburan.



Nikmati Pelepasan Cukai

Anda layak menerima pelepasan cukai apabila anda menyertai **i-Medi Evolusi Rider**. Pelepasan cukai yang dibenarkan untuk Perubatan adalah terhad kepada RM3,000 (termasuk Pendidikan).

Nota: Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.



Soalan Lazim

Q Berapakah umur minimum dan maksimum semasa kemasukan?

A Umur minimum dan maksimum semasa kemasukan adalah seperti berikut:

		Minimum	Maksimum	Umur matang/luput
		Umur penyertaan		
Orang yang Dilindungi	Kanak-kanak	14 hari umur dicapai	15 tahun hari lahir berikutnya	25 / 70 / 80 tahun hari lahir berikutnya
	Dewasa	16 tahun hari lahir berikutnya	60 tahun hari lahir berikutnya	70 / 80 tahun hari lahir berikutnya
			70 tahun hari lahir berikutnya	80 tahun hari lahir berikutnya
Peserta		19 tahun hari lahir berikutnya	NIL	NIL

Nota: Umur maksimum bagi pelan deduktibel RM20,000 dengan opsyen persaraan ialah 50 tahun (ANB).

Q Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan perubatan?

A Secara umumnya, pemeriksaan perubatan tidak diperlukan. Namun, sebagai Pengendali Takaful, kami berhak menjalankan pemeriksaan perubatan, jika perlu.

Q Berapakah caruman yang perlu saya bayar?

A Ini adalah rider dengan pembayaran caruman. Amaun caruman bergantung kepada Deduktibel, Bilik dan Penginapan yang anda pilih, umur, jantina, dan kelas pekerjaan. Sila rujuk pada Lampiran untuk mengetahui anggaran amaun caruman.

Q Apakah Supreme Assist?

A Supreme Assist adalah persetujuan untuk menyediakan anda dengan Bantuan Perubatan Kecemasan Domestik dan Antarabangsa (tertakluk pada terma dan syarat).

Q Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

A Anda boleh membuat caruman melalui GIRO/Autodebit, Kebenaran Debit Terus, Arahan Bank atau kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan.

Q

Berapakah yuran dan caj yang dikenakan?

A

Caj Pendahuluan adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Akaun Individu Peserta (sebagai peratusan Caruman), yang terdiri daripada:

- kos pengedaran langsung termasuk komisen pengantara, dan
- perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM10.

Tahun Caruman	Caj Pendahuluan % Berdasarkan Tempoh Pembayaran Caruman										
	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	≥20
1	43%	46%	49%	52%	53%	53%	53%	53%	53%	53%	53%
2	30%	32%	34%	36%	38%	40%	42%	44%	46%	48%	50%
3	37%	39%	40%	41%	42%	44%	45%	46%	47%	49%	50%
4	33%	34%	35%	36%	37%	38%	39%	40%	41%	42%	43%
5	33%	34%	34%	35%	35%	36%	36%	37%	37%	38%	38%
6	23%	24%	24%	25%	25%	26%	26%	27%	27%	28%	28%
7	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%
8	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%
9	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%
10	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%	15%
11		10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
12			10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
13				10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
14					10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%
15						10%	10%	10%	10%	10%	10%
16							10%	10%	10%	10%	10%
17								10%	10%	10%	10%
18									10%	10%	10%
19										10%	10%
≥20											0%

Tabarru'

Tabarru' akan ditolak secara bulanan pada setiap awal bulan Sijil daripada Akaun Individu Peserta dan ia berbeza mengikut Deduktibel, R&B, umur dicapai, jantina dan kelas pekerjaan Orang Yang Dilindungi.

Nota: Yuran dan caj di atas adalah tertakluk kepada semakan semula pada ulang tahun Sijil oleh kami dengan memberikan anda notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk, Ilustrasi Manfaat dan Sijil yang dikeluarkan oleh kami.

Q**Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?****A**

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah rider ini disebabkan dan termasuk mana-mana perkara berikut, secara langsung atau tidak langsung:

1. Sakit Sedia Ada;
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh rider berkuatkuasa;
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu;
4. Rawatan plastik/kosmetik, upacara berkhatan (untuk tujuan keagamaan), pemeriksaan mata, bercermin mata, kanta lekap dan pembetulan penglihatan dekat serta jauh melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik), silau mata dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau alatan luaran palsu seperti anggota palsu, alat pendengaran, peralatan/implan koklea, penukaran peranti kehabisan bateri, neurostimulator, elektrod/pemimpin implan (kecuali alat pacu jantung, implan merangsang denyutan jantung, alat pendengaran dan anggota palsu seperti yang disediakan di bawah Alat Perubatan, jika berkenaan) dan preskripsinya;
5. Keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali yang diperlukan kerana Kecederaan kepada gigi semula jadi yang sihat yang berlaku dalam mana-mana Tahun Sijil dan dilakukan oleh seorang Doktor Gigi. Sebagai tambahan, perbelanjaan yang timbul daripada peletakan gigi palsu dan khidmat prostetik seperti penyambungan, implan dan penyalutan gigi atau penggantianinya tidak akan dibayar;
6. Jagaan peribadi, pemulihan rehat atau penjagaan sanatorium, dadah haram, kemabukan (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV serta sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang kecuali untuk penyakit COVID-19 untuk Orang yang Dilindungi yang Divaksin Sepenuhnya atau Tidak Layak Tidak Divaksinasi;
7. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Penyakit Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan;
8. Kehamilan dan komplikasinya, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan sebarang prosedur bukan pembedahan terhadap sistem pembiakan perempuan semasa kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan mengenai ketidaksuburan. Ketidakfungsian erektal dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
9. Kemasukan Hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan;
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri secara sengaja ketika waras atau tidak waras;
11. Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
12. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear;

13. Perbelanjaan yang ditanggung bagi pendermaan sebarang organ badan oleh Orang yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya;
14. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur serta dengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon, terapi sel tunjang dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, urutan, terapi oksigen hiperbarik atau aromaterapi atau rawatan alternatif lain;
15. Jagaan atau rawatan yang tidak dikenakan bayaran atau apabila ia adalah dibayar dengan insurans/takaful lain atau pampasan yang melindungi Orang yang Dilindungi serta Hilang Upaya yang terjadi kerana tugas kerja atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja atau daripada sumber lain berhubung dengan Kecederaan atau Sakit atau Penyakit bagi tuntutan yang dibuat;
16. Sakit jiwa, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
17. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang berciri bukan perubatan misalnya televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, perkhidmatan jalur lebar, bil elektrik bagi pengecasan telefon bimbit, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
18. Hidapan atau Kecederaan yang timbul daripada sebarang bentuk perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada payung terjun, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alatan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Orang yang Dilindungi akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut;
19. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
20. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
21. Sebarang rawatan Pesakit Luar yang tidak berkaitan dengan rawatan Pesakit Dalam, kecuali seperti disediakan di bawah Aneksur ini;
22. Bayaran yang bukan Bayaran Munasabah dan Biasa atau sebarang pembedahan atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan atau bayaran yang melebihi Bayaran Munasabah dan Biasa, atau bayaran yang ditanggung bagi Kemasukan Hospital, sebelum dan/atau selepas kemasukan Hospital selepas Tarikh Tamat Tempoh;
23. Sebarang kecacatan bagi Orang yang Dilindungi disebabkan oleh kecederaan yang timbul:
 - i. dalam masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan;
 - ii. semasa di bawah perintah untuk peperangan seperti operasi;
 - iii. semasa di bawah pemulihan ketenteraman awam semasa mogok, rusuhan dan kekecohan awam;
 - iv. dari pekerjaan atau latihan Orang yang Dilindungi di mana-mana cawangan Tentera atau separa tentera Perkhidmatan Tentera, Laut atau organisasi Polis mana-mana negara.

Nota: Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Maklumat penuh dinyatakan dalam Sijil yang dikeluarkan oleh kami.

Notis Penting

1. **i-Medi Evolusi Rider** adalah rider Takaful Perubatan dan Kesihatan meliputi perbelanjaan penghospitalan dan pembedahan dengan pembayaran caruman tetap yang dilampirkan pada pelan Takaful Keluarga bertempoh dengan caruman berkala yang terpilih.
2. Semua umur yang dinyatakan di dalam risalah ini merujuk kepada umur hari lahir berikutnya (ANB).
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa rider-rider ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar sehingga akhir tempoh Sijil rider ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
4. Anda boleh berhenti membayar caruman dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah amaun yang mencukupi di dalam Akaun Individu Peserta untuk membayar Tabarru', jika berkenaan. Namun terdapat kemungkinan Sijil menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk Tabarru', melebihi jumlah amaun yang ada di dalam Akaun Individu Peserta. Menyertai terlalu banyak rider atau memilih tahap perlindungan yang terlalu tinggi mungkin akan mengurangkan nilai tunai. Bergantung kepada prestasi dana, Nilai Akaun Individu Peserta mungkin menurun dan Sijil berpotensi untuk luput.
5. Apabila rider ditamatkan, diberhentikan atau luput, tiada manfaat akan dibayar daripada Dana Tabarru'.
6. "Tempoh Rujukan Percuma" selama 15 hari daripada tarikh anda menerima Sijil diberikan kepada anda untuk meneliti kesesuaian rider Takaful Perubatan dan Kesihatan ini. Jika Sijil ini dikembalikan kepada kami dalam tempoh ini, kami akan mengembalikan suatu amaun yang bersamaan dengan jumlah caruman yang dibayar ditolak dengan belanja perubatan (jika ada).
7. Jika anda menukar rider daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain atau jika anda menukar rider semasa anda dengan pelan asas, atau sebaliknya, dengan Pengendali Takaful yang sama, anda mungkin perlu menghantar permohonan yang mana penerimaan cadangan anda adalah tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan pada masa penukaran atau penggantian.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu pelan Takaful keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini.

Jika terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan terjemahan lain untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

i-Medi Evolusi Rider merupakan produk yang patuh Syariah.

Lampiran

Kadar caruman tahunan (RM) i-Medi Evolusi Rider berdasarkan deduktibel

	Kadar Caruman Tahunan Deduktibel RM500											
	Umur Luput 80				Umur Luput 70				Umur Luput 25			
Umur Penyertaan	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200
1 – 5	2,556	3,048	2,556	3,048	2,556	3,048	2,556	3,048	2,556	3,048	2,556	3,048
6 – 10	1,404	1,680	1,296	1,548	1,404	1,680	1,296	1,548	1,404	1,680	1,296	1,548
11 – 15	1,368	1,620	1,260	1,488	1,368	1,620	1,260	1,488	1,368	1,620	1,260	1,488
16 – 20	1,452	1,704	1,392	1,620	1,452	1,704	1,344	1,572				
21 – 25	1,608	1,872	1,584	1,836	1,500	1,752	1,380	1,620				
26 – 30	1,836	2,136	1,812	2,112	1,668	1,944	1,548	1,800				
31 – 35	2,124	2,460	2,124	2,460	1,788	2,076	1,788	2,076				
36 – 40	2,508	2,916	2,496	2,904	2,112	2,448	2,112	2,448				
41 – 45	2,988	3,468	2,940	3,420	2,532	2,952	2,592	2,988				
46 – 50	3,576	4,164	3,480	4,056	3,120	3,624	3,204	3,708				
51 – 55	4,368	5,088	4,176	4,860	3,828	4,476	3,672	4,236				
56 – 60	5,724	6,708	5,196	6,060	4,908	5,724	4,548	5,328				
61 – 65	7,944	9,252	7,668	8,940								
66 – 70	10,692	12,432	10,572	12,300								

Nota: Kadar caruman di atas berdasarkan Kelas Pekerjaan 1 dan 2. Kadar caruman tidak dijamin dan mungkin disemak semula pada ulang tahun sijil dengan pemberitahuan notis bertulis 30 hari lebih awal dari kami.

Kadar Caruman Tahunan Deduktibel RM 3,000												
Umur Penyertaan	Umur Luput 80				Umur Luput 70				Umur Luput 25			
	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200
1 – 5	2,052	2,448	2,052	2,448	2,052	2,448	2,052	2,448	2,052	2,448	2,052	2,448
6 – 10	1,128	1,344	1,044	1,236	1,128	1,344	1,044	1,236	1,128	1,344	1,044	1,236
11 – 15	1,092	1,296	1,008	1,200	1,092	1,296	1,008	1,200	1,092	1,296	1,008	1,200
16 – 20	1,164	1,368	1,116	1,296	1,164	1,368	1,080	1,260				
21 – 25	1,284	1,500	1,272	1,476	1,200	1,404	1,104	1,296				
26 – 30	1,464	1,704	1,452	1,692	1,332	1,560	1,236	1,440				
31 – 35	1,704	1,968	1,692	1,968	1,428	1,656	1,440	1,668				
36 – 40	2,004	2,328	1,992	2,316	1,692	1,968	1,692	1,956				
41 – 45	2,388	2,784	2,352	2,736	2,028	2,364	2,076	2,388				
46 – 50	2,868	3,336	2,784	3,240	2,496	2,904	2,568	2,964				
51 – 55	3,492	4,068	3,336	3,900	3,072	3,576	2,940	3,396				
56 – 60	4,584	5,364	4,152	4,848	3,924	4,584	3,648	4,260				
61 – 65	6,348	7,404	6,144	7,152								
66 – 70	8,556	9,948	8,460	9,840								

Nota: Kadar caruman di atas berdasarkan Kelas Pekerjaan 1 dan 2. Kadar caruman tidak dijamin dan mungkin disemak semula pada ulang tahun sijil dengan pemberitahuan notis bertulis 30 hari lebih awal dari kami.

	Kadar Caruman Tahunan Deduktibel RM 20,000 dengan opsyen persaraan											
	Umur Luput 80				Umur Luput 70				Umur Luput 25			
Umur Penyertaan	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200	R&B 150	R&B 200
1 – 5	1,152	1,380	1,152	1,380	1,152	1,380	1,152	1,380	1,152	1,380	1,152	1,380
6 – 10	696	816	672	780	636	756	588	696	636	756	588	696
11 – 15	804	936	768	900	648	768	600	708	624	732	576	672
16 – 20	924	1,080	900	1,044	720	828	696	804				
21 – 25	1,092	1,272	1,056	1,236	828	960	804	936				
26 – 30	1,296	1,500	1,260	1,476	960	1,128	948	1,092				
31 – 35	1,560	1,812	1,536	1,788	1,152	1,344	1,140	1,320				
36 – 40	1,920	2,232	1,884	2,184	1,428	1,668	1,392	1,620				
41 – 45	2,400	2,796	2,328	2,712	1,812	2,112	1,752	2,040				
46 – 50	3,048	3,552	2,940	3,420	2,400	2,796	2,280	2,664				
*51 – 55												
*56 – 60												
*61 – 65												
*66 – 70												

*Umur kemasukan maksimum bagi pelan deduktibel RM20,000 ialah 50 tahun (ANB)

Nota: Kadar caruman di atas berdasarkan Kelas Pekerjaan 1 dan 2. Kadar caruman tidak dijamin dan mungkin disemak semula pada ulang tahun sijil dengan pemberitahuan notis bertulis 30 hari lebih awal dari kami.

The Great Journey



What is The Great Journey?

The Great Journey is a specially designed healthcare pathway that guides customers through dedicated Clinics and Hospitals under The Great Journey. These facilities provide cost-effective, high-quality care while ensuring a streamlined experience.

Why It Matters to You

Ensure you get early care with Outpatient Benefit.

Maintain affordable contributions by making efforts to reduce medical claims.

Contribute to controlling medical inflation and support sustainable healthcare by providing necessary medical treatment.

Brief comparison

i-Medi Evolusi Rider

i-Medi Shield Rider

The Great Journey	Applicable	Not Applicable
Deductible Options	RM500, RM3,000 or RM20,000 (with retirement option) per certificate year	RM500, RM1,000, RM2,000, or RM5,000 per disability
R&B Options	RM150, RM200	RM150
Overall Medical Limit (OML)	Not applicable	OML of RM100,000
Overall Annual Limit (OAL)	OAL of RM1,500,000 or RM2,000,000	Unlimited. 20% co-takaful applies for total bills exceeding OML
No Claim Features	Increase in R&B	Increase in R&B, OML and Reduction of deductible amount
